

## **PUTRA KARTING CIRCUIT**

Lot 604, Jalan Penghulu Him,  
08000 Sungai Petani,  
Kedah Darul Aman.

### **DISEDIAKAN OLEH :**

- 1. WAN ROZAIMY BIN WAN RAMLY (94936852)**
- 2. HAZLI BIN MOHAMED KASSIM (95759445)**
- 3. MD. RODZI BIN MAT (95590235)**
- 4. MUHAMAD KHIRUL BIN AWALLUDDIN (94518464)**
- 5. SYED ASHRENE BIN SYED OMAR (94541699)**

### **DISEDIAKAN UNTUK :**

**EN. SHAIFUL ANNUAR KHALID**

(Pensyarah Asas Keusahawanan ETR 300)

**Diploma Pengajian Perniagaan**

ITM Cawangan Perlis

27 OGOS 1997

## **RINGKASAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

*Bismillahhirrahmanirahim,*

Selaras dengan cita-cita negara untuk menganjurkan Grand Prix Formula 1 pada tahun 2000 hasil daripada idea Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad, maka kami menyahut gesaan tersebut dengan melibatkan diri dalam bidang sukan lumba motor iaitu sukan Go-Kart. Walaupun sukan ini masih baru di negara kita, bagi kami ia adalah satu cabaran untuk memaju dan membudayakan sukan Go-kart ini kepada seluruh rakyat Malaysia. Bagi mencapai tujuan tersebut maka PUTRA KARTING CIRCUIT ditubuhkan yang akan beroperasi di Sungai Petani, Kedah.

Nama PUTRA KARTING CIRCUIT adalah hasil ilham rasa dan persetujuan kesemua rakan kongsi. PUTRA KARTING CIRCUIT menawarkan perkhidmatan menyewa kereta Go-Kart kepada mereka yang sukakan aktiviti lasak dan mencabar. Dalam memberi kepuasan kepada pengguna, kami akan menyediakan kereta Go-Kart yang menggunakan teknologi Itali serta kelengkapan yang canggih dan terkini. Manakala litar yang kami akan bina adalah mengikut spesifikasi litar Go-Kart yang sebenar.

Bagi mencapai hasrat ini kami akan mengadakan usahasama dengan Syarikat MOFAZ (M) Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang bertanggungjawab dalam memperkenalkan sukan Go-Kart dan menjadi pengedar utama di negara ini. MOFAZ (M) Sdn. Bhd. akan membekalkan kami (agen) kereta Go-Kart , alat ganti serta

kelengkapan yang diperlukan oleh perniagaan kami. Pembinaan bangunan dan litar perlumbaan adalah hasil daripada rundingan dengan syarikat tersebut.

Bagi melicinkan perjalanan pengurusan perniagaan kami juga mengamalkan corak pengurusan yang biasa diamalkan oleh perniagaan lain. Kami menggunakan kaedah pengurusan berbentuk fungsian yang lebih teratur dan effektif.

Kami memperuntukkan sejumlah RM 1.2 juta untuk memulakan perniagaan ini. Jumlah perbelanjaan yang besar ini adalah disebabkan oleh Kos Perlaksanaan yang tinggi. Bagi membiayai kos projek ini, setiap ahli kongsi menyumbangkan RM 80,000 (berjumlah RM 400,000) dan selebihnya melalui pinjaman bank (RM 800,000), dengan cagaran tanah dari dua orang ahli rakan kongsi kami. Nilai tanah tersebut adalah mengikut nilai pasaran yang di nilai oleh pihak bank dimana tanah tersebut mempunyai harga pasaran yang baik.

Kami menjangkakan akan memperolehi keuntungan sebanyak RM 119,812 bagi tahun pertama dan kami meramalkan peningkatan keuntungan pada tahun-tahun berikutnya.

Kami berharap agar penerangan di atas dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai perniagaan kami. Segala maklumat yang terperinci akan diterangkan dalam bahagian-bahagian yang berkenaan dalam Rancangan Perniagaan ini.

Sekian, Wassalam.

**KANDUNGAN****MUKA SURAT**

• Tajuk Muka Surat Hadapan	
• Surat Iringan	I
• Surat Penyerahan Rancangan Perniagaan	
• Mukadimah	III
• Penghargaan	V
• Logo Perniagaan	VII
• Ringkasan Rancangan Perniagaan	X
• Surat Perjanjian Perkongsian	XII
• Surat Persetujuan Perkongsian	XV

**ISI KANDUNGAN**

1.0 Pengenalan	1
2.0 Tujuan	2
3.0 Latar Belakang Perniagaan	3
4.0 Latar Belakang Ahli Kongsi	5
<b>5.0 Rancangan Organisasi</b>	<b>10</b>
5.1 Matlamat Organisasi	10
5.2 Strategi Organisasi	10
5.3 Pengenalan Organisasi	11
5.3.1 Alamat	11

5.3.2 Pelan Lokasi	12
<b>5.4 Carta Organisasi</b>	<b>13</b>
5.5 Struktur Organisasi	14
5.6 Jadual Jawatan Dan Bilangan Pekerja	15
5.7 Jadual Spesifikasi Tugas	16
5.8 Jadual Imbuhan Balas Jasa	17
5.8.1 Insentif Pekerja	17
5.8.2 Jenis-Jenis Insentif	17
5.9 Jadual Senarai Perabot Dan Keperluan Pejabat	19
5.10 Perbelanjaan Pentadbiran	20
<b>6.0 Rancangan Pemasaran</b>	<b>23</b>
6.1 Barang Yang Ditawarkan	23
6.2 Sasaran Pasaran	24
6.3 Saiz Pasaran	27
6.4 Ramalan Jualan	27
6.4.1 Penerangan Dan Penjelasan	30
6.5 Strategi Pemasaran	31
6.5.1 Strategi Barang	31
6.5.2 Strategi Harga	32
6.5.3 Strategi Promosi	33
6.6 Perbelanjaan Pemasaran	36
6.7 Strategi Pengedaran	38
<b>7.0 Rancangan Operasi</b>	<b>39</b>